

27 MAR 2003

Sukan-Bot Laju (Nicolo)/I

MALAYSIA BANTU TINGKATKAN TAHAP PERLUMBAAN BOT LAJU

Oleh: Asan Ahmad

LAUSANNE, Switzerland, 27 Mac (Bernama) -- Malaysia telah membantu meningkatkan tahap siri Perlumbaan Bot Laju Formula 1 Dunia, kata promoter antarabangsa acara itu, Nicolo di San Germano.

Beliau berkata penganjuran cemerlang Grand Prix Malaysia telah membantu meningkatkan tahap sukan itu di peringkat antarabangsa dan hasilnya terbukti dengan pertumbuhan sukan berkenaan di Asia Tenggara.

Singapura merupakan penganjur terbaru dengan menjadi tuan rumah pusingan kedua kejohanan dunia selepas Malaysia di rantau Asia Tenggara.

Berikutan kejayaan Malaysia dalam menganjurkan acara itu secara meriah, banyak lagi negara-negara lain sedang melobi untuk menganjurkan kejohanan itu termasuk Brunei dan Indonesia.

"Ini menunjukkan bahawa acara itu menjadi semakin terkenal dan sedang berkembang," kata Nicolo selepas majlis "Anugerah Kecemerlangan Bagi Musim 2002" di Mines de Sel de Bex di sini malam tadi.

Malaysia menerima Anugerah Penganjur Terbaik Perlumbaan Bot Laju Formula 1 Dunia siri 2002 buat kali kedua berturut-turut.

"Saya sangat berterima kasih atas sokongan kerajaan Malaysia dan saya rasa komited bagi membangunkan sukan itu secara bersama dengan H20 Sports Sdn. Bhd., khususnya siri "Formula Future," kata Nicolo.

Beliau berkata: "Formula Future" yang direka oleh Malaysia khas untuk mencungkil bakat-bakat muda dari seluruh negara merupakan tindakan yang bagus sekali dan oleh itu Malaysia bukan sahaja serius dalam mempopularkan sukan itu tapi juga membangunkan masa depan pemandu bot laju.

"Saya tahu ia adalah hasrat Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya memastikan sukan berteknologi tinggi itu didedahkan kepadapara jurutera muda Malaysia.

"Kita sebagai keluarga Union Internationale Motonautique (UIM) bersedia memainkan peranan kami dalam membantu mengembangkan program itu," kata Nicolo.

Bagi musim 2003, UIM akan memperkenalkan dua gelanggang baru iaitu Sentosa di Singapura dan Sunset Beach di Arab Saudi.

Katanya sejak Malaysia menganjur acara itu secara meriah pada 2001, ia dapat membantu meningkatkan jumlah negara tuan rumah serta mempopularkan sukan berkenaan.

-- BERNAMA

AHA DC RON